

LAWATAN KERJA

YAA Tan Sri Dato Setia Dr. Ibrahim Bin Lembut, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)



18 Ogos 2017 (Jumaat) – YAA Tan Sri Dato Setia Dr. Ibrahim Bin Lembut, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah mengadakan satu sesi Lawatan Kerja ke Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan. Lawatan kerja ini diatur adalah sempena dengan Lawatan Kerja di akhir perkhidmatan beliau sebagai Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM.

Antara amanat-amanat dalam ucapan beliau kepada seluruh warga kerja JKSNs adalah seperti berikut :

1. Menjaga amanah yang dipertanggungjawabkan sebagai Hakim Syarie dan pegawai serta kakitangan mahkamah.
2. Mengelakkan diri dari ditohmah oleh orang luar atau klien. Jangan sesekali berjumpa dengan klien di luar mahkamah untuk mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini yang boleh merosakkan institusi kehakiman syariah itu sendiri.
3. Menjaga penampilan diri, integriti dan disiplin diri.
4. Sentiasa berusaha untuk meningkatkan diri dengan cara mencari kemahiran baru dan banyakkannya membaca.
5. Jangan jadikan Penangguhan Kes sebagai amalan. Biar Hakim yang membuat penangguhan tersebut.
6. Mematuhi arahan ketua. Seandainya ada kesilapan yang dilakukan, segera maklumkan kepada ketua. Jangan sesekali membelakangi ketua. Sebagai ketua pula, buat penilaian kakitangan bawahan bermula dari markah 100% untuk memudahkan urusan kenaikan pangkat dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) kakitangan bawahan.

GALERI GAMBAR









